



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 2, Setia Perdana 7  
Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000  
Fax : 03 8888 3258  
Portal Rasmi : [www.cgso.gov.my](http://www.cgso.gov.my)

CGSO.600-3/2/1 ( 1 )(S)  
11 Disember 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Suruhanjaya  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT EDARAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN  
BILANGAN 4 TAHUN 2023 : ARAHAN KESELAMATAN BERKAITAN  
PEMBINAAN DAN PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN KERAJAAN  
DAN PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN TERHADAP SISTEM ICT  
(*INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY*).**

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri melalui Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) telah mengeluarkan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) yang meminta agar peraturan-peraturan Keselamatan Perlindungan hendaklah dilaksanakan oleh semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan, Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri serta mana-mana orang, tribunal, badan, institusi atau pihak berkuasa yang disyiharkan sebagai perkhidmatan awam.

3. Di antara arahan dan peraturan yang mesti dilaksanakan adalah pembinaan dan pengubahsuaian bangunan-bangunan bagi jabatan/agensi kerajaan hendaklah mengutamakan aspek Keselamatan

'RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN'



Certified to ISO 22301:2019  
CERT NO.: 014-BC005

Perlindungan yang bermutu, kondusif dan selamat dengan memasukkan ciri-ciri keselamatan fizikal semasa peringkat cadangan reka bentuk pembinaan bangunan tersebut. Ini juga selaras dengan kehendak Perenggan 42, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) yang menjelaskan bahawa :-

***"Semua cadangan termasuk reka bentuk pembinaan, pengubahsuaian, penyewaan, pembelian bangunan, penempatan dan pemindahan pejabat-pejabat Kerajaan di bangunan Kerajaan dan swasta di dalam dan luar negeri hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan"***

4. Salah satu langkah dalam transformasi Sektor Awam adalah penggunaan ICT untuk meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Oleh yang demikian, Ketua Jabatan perlu memastikan agar kerahsiaan maklumat, data dan rekod berhubung perkara rasmi dan rahsia rasmi Kerajaan dalam persekitaran ICT hendaklah dipelihara dan dijaga sepenuhnya dengan mengambil langkah-langkah keselamatan perlindungan selari dengan kehendak undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa. Perkara ini juga selaras dengan kehendak perenggan 60, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) yang menjelaskan bahawa :-

***"Pelaksanaan sistem berhubung dengan kelengkapan, bahan serta maklumat rasmi yang mempunyai ciri-ciri keselamatan menggunakan aplikasi berteknologi tinggi dan terkini termasuk sistem ICT hendaklah terlebih dahulu dirujuk dan mendapatkan pandangan daripada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan bagi tujuan penilaian risiko keselamatan. Pembekal perkhidmatan yang membangunkan sistem-sistem tertentu bagi pihak Kerajaan hendaklah menyerahkan segala maklumat, bahan yang berkaitan serta kod sumber (source code) dan seumpamanya menjadi milik Kerajaan sepenuhnya. Bagi meningkatkan tahap keselamatan ICT, peranti, perkakasan, perisian, aplikasi, sistem ICT dan sebagainya yang telah mendapat pensijilan keselamatan ICT dan diiktiraf oleh Kerajaan boleh dipertimbangkan."***

5. Selain itu, pejabat ini juga komited dalam penilaian dan khidmat nasihat keselamatan terhadap sistem ICT atau lain-lain sistem keselamatan berteknologi tinggi seumpamanya bagi menjamin keselamatan maklumat, data, dan rekod berhubung perkara rasmi dan rahsia rasmi Kerajaan dilindungi dengan mengambil langkah-langkah keselamatan perlindungan sewajarnya.

6. Justeru itu, jasa baik pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah dimohon agar memastikan perkara berkenaan dirujuk terlebih dahulu ke pejabat ini supaya semua perancangan, pembangunan dan pembinaan bangunan kerajaan serta keselamatan maklumat, data dan rekod berhubung perkara rasmi dan rahsia rasmi Kerajaan dalam persekitaran ICT di peringkat persekutuan, negeri dan agensi-agensi kerajaan dilaksanakan dengan mengutamakan ciri-ciri dan aspek-aspek Keselamatan Perlindungan.

7. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' RAHIMI BIN ISMAIL)**

s.k.:

1. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara
2. YBhg. Dato' Seri Dr. Zulkapli bin Mohamed  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

- 
3. YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
  4. YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Ekonomi
  5. YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan  
Jabatan Perdana Menteri
  6. Ketua Pengarah Kerja Raya